

MAHATHIR-UMNO

1984

KULI, 20 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HART INI MENDEDAHKAN TENTANG UJUJUDNYA GOLONGAN DALAM UMNO YANG Mencari orang yang tak puas hati dengan sengaja menonjolkan mereka supaya bertanding dalam pemilihan partibulan depan.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA ORANG INI DISOGOKKAN DENGAN WANG UNTUK BERTANDING SUNGGUHPUN MEREKA TIDAK BERNIAT HENDAK BERTANDING.

+SEJAK BEBERAPA BULAN, GOLONGAN INS PERGI KE CAWANGAN-CAWANGAN, UMNO UNTUK Mencari orang-orang yang tak puas hati dan mendesak mereka masuk bertanding serta membuat tohmahan-tohmahan, +TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PADANG SERAI DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KULIM DI SLNI.

BELIAU MENGENAL PASTI ORANG-ORANG YANG TIDAK PUAS HATI ITU SEBAGAI ORANG YANG TIDAK DIPILIH SEBAGAI CALON, MENJADI CALON TETAPI KALAH DAN OLEH YANG DEMIKIAN TIDAK TERPILIH SEMULA MENJADI KETUA BAHAGIAN, ORANG YANG KESAL KERANA DIBERIKAN TEMPATNYA KEPADA ORANG YANG LEBIH MUDA DAN BARISAN PELAPIS TIDAK SABAR MENUNGGU UNTUK MENGAMBIL ALIH TEMPAT ORANG YANG LEBIH TUA DARLNYA YANG MASIH MENGEKALKAN JAUATAN ITU DENGAN CEMERLANG.

--LAGI 1323/AN

NNNN

ZCZC 8551

MAHATHIR-UMNO 2 KULIM

+GOLONGAN TAK PUAS HATI INI MEMANG BANYAK TERDAPAT DIMANA-MANAPUN TETAPI YANG MENJADI MASALAH IALAH SATU USAHA KURANG BAIK OLEH SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN UNTUK Mencari orang yang tak puas hati dan didesak bertanding dan membuat berbagai-bagai tohmahan+.

MENURUT PERDANA MENTERI GOLONGAN INI MEMAINKAN SENTIMEN ORANG YANG TIDAK PUAS HATI DALAM UMNO UNTUK MENGHEBATKAN PERTANDINGAN DI TEMPAT ATAU BAGI JAUATAN YANG SEPATUTNYA TIDAK ADA PERTANDINGAN.

+MEREKA MENDAPAT DUIT UNTUK BERTANDING MENJADI CALON DAN UNTUK MENDAPATKAN SEDIKIT SEBANYAK SOKONGAN, MEREKA GUNAKAN CARA-CARA YANG TAK PATUT DILAKUKAN+, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA CARA-CARA ITU SEPATUTNYA DIGUNAKAN UNTUK MELAWAN PARTI PEMBANGKANG DAN TIDAK HARUS DIGUNAKAN BAGI PEMILIHAN DALAM PARTI SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL TERHADAP PERISTIWA YANG TAK DIINGINI INI DALAM MASYARAKAT UMNO DAN BERKATA UMNO TIDAK SUKA KEPADA KEGIATAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA HURU-HARA

--LAGI 1327/AN

MAHATHIR-UMNO 3 KULIM

+SAYA INGIN MEMBERI NASIHAT SUPAYA JANGAN TERLAMPAU TAK SUB UNTUK  
HENDAK BERTANDING KERANA ADA SEBAB-SEBAB MUNASABAH MASUKLAH BERTANDING.+  
DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN INI TIDAK BERMAKNA TSDAK BOLEH  
ADA PERTANDINGAN SAMASEKALITETAPI PEMILIHAN HENDAKLAH DIADAKAN JIKA  
PERLU SAHAJA.

+DALAM DEMOKRASI, MEMANG PERLU ADA PERTANDINGAN TETAPI PATUT JUGA  
ADA MASA-MASA PERLU ADA PERTANDINGAN DAN PERLU ADA SEBAB MUNASABAH  
BAGI PERTANDINGAN DIADAKAN,+ KATA BELIAU.

+SEBAB-SEBAB BERTANDING MESTILAH BAGS KEBAIKAN PARTI DAN BUKAN  
HENDAK MENJADY KETUA ATAU TIMBALAN KETUA BAHAGIAN SERTA BOLEH  
MENDABIK DADA.+

PERDANA MENTERI MENEGASKAN JLKA SEMUA BERJALAN ELOK DALAM PARTI,  
JALANLAH BERTANDING SEMATA-MATA KERANA NAK BERTANDING.

+JIKA SEMUA SATU JUTA ANGGOTA UMNO BERTANDING MAKA SUDAH TENTU  
PARTI BERPECAH BELAH,+ KATANYA. -- LAGI 1326/SL

NNNN

ZCZC 8553

MAHATHIR-UMNO 4 KULIM

KATANYA SEHUA ANGGOTA UMNO YANG MEMBAYAR YURAN BOLEH BERTANDING  
TETAPI TIDAK SEMUA MAHU BERTANDING KERANA MEREKA TAHU INI TIDAK  
HUNASABAH.

+KITA HENDAK CUMA BEBERAPA ORANG SAHAJA BERTANDING DAN INI PUN  
JIKA PERLU.+ -- BERNAMA 1328/SL